



Datuk Abdul Halim Jusoh, Setiausaha Politik Menteri Pendidikan II (tengah), Datuk Mohd Harun Abdullah, Naib Canselor UMS (kanan) merasmikan pelancaran Kelab Penyayang di Padang Kawad UMS.

Pelancaran Kelab Penyayang Julung Kali Di UMS

Oleh Mazrina binti Kalinggalan

Kota Kinabalu, 12 April - Kelab Penyayang buat pertama kalinya telah dilancarkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan penyertaan lebih kurang seramai 1000 mahasiswa.

Kelab tersebut dirasmikan Ybhg Datuk Hj. Abd. Halim bin Jusoh, Setiausaha Politik kepada menteri pendidikan II yang dibawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UMS.

"CGPA pelajar pada tahun 2016 akan mengambil kira bukan sahaja akademik tetapi penglibatan pelajar dalam kokurikulum..." Kata Datuk Hj.Abd.Halim Jusoh ketika berucap.

"Ini termasuklah aktiviti sukarelawan dan kemahiran serta kepimpinan yang menjadi kayu pengukur mahasiswa pada hari ini" Tambahnya ketika berucap.

Nurul Fadillah Benzar, 22, pelajar tahun 1 itu berkata bahawa penubuhan kelab itu mampu mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara siswa/i di samping sebagai wadah bagi pelajar menyumbang tenaga dan idea untuk Universiti.

"Saya begitu tertarik untuk menyertai kelab ini kerana ingin menambah pengalaman dan memantapkan sahsiah diri" tambah Nurul Fadillah Benzar ketika di temu ramah.

Kelab Penyayang merupakan inisiatif dari Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan terdapat sebanyak 22 buah Kelab Penyayang di Universiti Awam dan Swasta setakat ini.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga Kolej Kediaman Tun Mustapha, Tun Fuad, Excellent, USIA 1B, Kolej Sri Angkasa dan Kingfisher.

Keahlian Kelab Penyayang UMS itu terdiri daripada mahasiswa termasuk ahli badan beruniform UMS.

Objektif Penubuhan Kelab Penyayang adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar disamping mengasah bakat yang terdapat pada generasi muda serta melahirkan modal insan yang aktif dan produktif.

Sehubungan itu, penubuhannya juga bertujuan mencari duta dalam kalangan siswa bagi menggerakkan dan menjayakan setiap program anjuran universiti.

Majlis itu juga turut di meriahkan dengan aktiviti senaman aerobik bersama-sama semasa penutupan majlis itu.